

# PRULink Japan Dynamic Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2019 melainkan jika dinyatakan

## Ciri-ciri Dana


Objektif Dana	<p><b>PRU</b>Link Japan Dynamic Fund (“Dana ini”) bertujuan untuk menjana pertumbuhan modal jangka panjang dengan melabur dalam Dana-Sub yang dipanggil Eastspring Investments – Dana Japan Dynamic MY (Kelas RM Hedged), yang terlingkungi dalam Eastspring Investments – Dana Japan Dynamic yang diuruskan oleh Eastspring Investments (Singapore) Limited.</p> <p>Dana ini melabur terutamanya dalam sekuriti syarikat, yang diperbadankan, disenarai atau mempunyai aktiviti terutama di Jepun.</p> <p>Dana ini juga boleh melabur dalam mana-mana dana lain dengan objektif yang serupa yang boleh didapati pada masa akan datang.</p>
Strategi Pelaburan & Pendekatan	<p>Dana Sasaran dalam Dana-Sub dipanggil Dana Eastspring Investments Japan Dynamic (kelas AJ, mata wang JPY) yang bertujuan untuk menjana pertumbuhan modal jangka panjang melalui portfolio yang bertumpu dalam ekuiti, sekuriti berkaitan ekuiti, bon, dan mata wang. Dana Sasaran akan melabur terutamanya dalam sekuriti syarikat, yang diperbadankan, disenarai atau mempunyai aktiviti terutama di Jepun. Dana Sasaran juga boleh melabur dalam resit-resit depositori termasuk Resit-Resit Depositori Amerika (ADR-ADR) dan Resit-Resit Depositori Global (GDR-GDR), bon boleh tukar, saham-saham keutamaan, waran-waran dan sekuriti-sekuriti pendapatan tetap yang diterbitkan oleh entiti-entiti Jepun.</p> <p>Pengurus Pelaburan Dana Sasaran, Eastspring Investments (Singapore) Limited menayangkan alam semesta pelaburan yang luas untuk membentuk portfolio yang bertumpu dalam syarikat-syarikat Jepun yang biasanya didagangkan pada penilaian rendah berbanding dengan sejarah mereka dan pasaran. Dana-Sub bertujuan untuk mencapai pertumbuhan modal yang kukuh dalam jangka masa panjang.</p> <p>Pengurus Pelaburan menggunakan analisis berdasas disiplin dan ketat semasa proses pemilihan untuk memastikan sabitan tahap yang tinggi sekitar penilaian bagi setiap syarikat yang ada dalam Dana Sasaran.</p> <p>Pengurus Pelaburan menggunakan pendekatan nilai untuk pelaburan. Dana Sasaran memiliki saham dalam syarikat-syarikat yang mempunyai penilaian yang lebih murah berbanding dengan trend pulangan cenderung yang akan dijana oleh mereka dalam jangka sederhana hingga panjang. Syarikat-syarikat itu agak kerap diketepikan dengan pasaran demi satu sebab atau yang lain. Pendekatan pelaburan Dana-Sub maka cenderung untuk menjadi pendekatan bercanggah dalam sifatnya.</p> <p>Dana Sasaran diuruskan dengan Saham Aktif tinggi yang selaras dengan gaya pengurusan yang benar-benar aktif di mana pertaruhan pelaburan sabitan tinggi diambil tanpa mengambil kira penanda aras. Saham Aktif adalah ukuran peratusan pegangan saham dalam portfolio Pengurus Pelaburan yang berbeza daripada indeks penanda aras.</p>
Peruntukan Aset	Dana melabur sehingga 100% Dana NAV ke dalam Dana-Sub yang ditetapkan oleh Pengurus Dana. Dana NAV yang lebih akan dilabur ke dalam aset cair.
Piawaian Prestasi	MSCI Japan Index (net dividend basis) (RM Hedged) <i>Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari <a href="http://www.msci.com">www.msci.com</a></i>
Pengurus Dana	Eastspring Investments Berhad (531241-U)
<b>Yuran &amp; Caj</b>	
Caj Pengurusan Dana	1.50% setiap tahun
Caj-caj lain, jika ada	Tiada

# PRULink Japan Dynamic Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2019 melainkan jika dinyatakan

## Prestasi Dana

PRULink Japan Dynamic Fund Vs. MSCI Japan Index (net dividend basis)



Nota: Graf-graf adalah bagi tujuan penjelasan sahaja. Prestasi masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya.

Tahun	Prestasi PRULink Japan Dynamic Fund	Piawaian Prestasi MSCI Japan Index (net dividend basis) (RM Hedged)
2015	-7.20% *	-0.48% *
2016	8.05%	1.36%
2017	17.03%	23.34%
2018	-18.14%	-10.14%
2019	15.30%	21.78%

\*Prestasi dana adalah dari tarikh lancar dana sehingga akhir tahun untuk tahun yang sama.

Sumber: Lipper IM dan Bloomberg, 31 Disember 2019

Amaran: Ini hanya adalah prestasi dana perluburan tersebut dan bukan pulangan dari sumbangan yang dibayar oleh produk insurans berkaitan pelaburan itu.

Asas kiraan prestasi masa lalu:

$$= \left( \frac{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n}{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n - 1} - 1 \right) \%$$

### Maklumat tambahan untuk PRULink Japan Dynamic Fund

PRULink Japan Dynamic Fund melabur dalam Dana Eastspring Investments Japan Dynamic MY yang terlinkungi dalam Eastspring Investments – Dana Japan Dynamic.

Pengurus Dana Dana Eastspring Investments Japan Dynamic MY ialah Eastspring Investments Berhad manakala

# PRU Link Japan Dynamic Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2019 melainkan jika dinyatakan

Pengurus Pelaburan Eastspring Investments – Dana Japan Dynamic ialah Eastspring Investments (Singapore) Limited.

Yuran pengurusan mungkin dikenakan ke atas Dana dan / atau Dana-Sub. Mohon ambil perhatian bahawa anda akan dikenakan caj maksima sebanyak 1.50%, sebagai caj pengurusan dana gabungan ke atas Dana dan Dana-Sub. Dana-Sub dengan strategi pelaburan yang melabur dalam Dana Dagangan Pertukaran ("ETF") atau Skim Pelaburan Kolektif lain yang mungkin menanggung perbelanjaan tambahan dalam Dana-Sub yang diambil kira sebagai sebahagian daripada pertimbangan strategi pelaburan bagi mencapai prestasi dana.

Prestasi dana untuk Dana-Sub, Dana Eastspring Investments Japan Dynamic MY pada 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

Year	2019	2018	2017	2016	2015
Net Performance	16.50%	-19.90%	18.60%	7.12%	-2.84% *

\*Prestasi dana adalah dari tarikh lancar dana sehingga akhir tahun untuk tahun yang sama.

Prestasi untuk Dana Sasaran, Eastspring Investments – Japan Dynamic Fund (class AJ) pada 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

Year	2019	2018	2017	2016	2015	2014
Net Performance	15.15%	-21.24%	18.17%	7.07%	12.91%	1.50% *

\*Prestasi dana adalah dari tarikh lancar dana sehingga akhir tahun untuk tahun yang sama.

*Nota: Prestasi atas adalah untuk Dana Sasaran Kelas AJ dan mata wang dalam JPY.*

*Sumber: Bloomberg, 31 December 2019*

Asas kiraan prestasi masa lalu:

$$= \left( \frac{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n}{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n - 1} - 1 \right) \%$$

Nota: Prestasi dana masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya. Ini hanya adalah bagi prestasi dana pelaburan, dan bukan pulangan daripada premium yang dibayar oleh produk insurans berkaitan pelaburan.

## Risiko-Risiko Pelaburan

Dana ini tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan amaun pokok yang dilaburkan. Nilai unit mungkin turun dan juga naik. Selain itu, Dana ini juga tertakluk kepada risiko tertentu termasuk dan tidak terhad kepada:

### Risiko-Risiko Umum apabila Melabur dalam Dana ini

#### Risiko Pasaran

Risiko pasaran merujuk kepada potensi kerugian yang mungkin dialami akibat perubahan-perubahan buruk dalam keadaan pasaran. Keadaan pasaran secara umumnya dijejaskan oleh, antara yang lain-lain, kemantapan ekonomi dan politik. Jika pasaran yang dilaburkan oleh Dana ini merosot atau mengalami ketidakstabilan akibat situasi ekonomi atau politik yang buruk, ini boleh memberi kesan negatif kepada harga pasaran pelaburan Dana ini.

#### Risiko Ketidakpatuhan

Risiko ini menimbul daripada ketidakpatuhan dengan undang-undang, peraturan dan undang-undang, praktik-praktik yang ditetapkan serta dasar dan prosedur dalam syarikat pengurusan, contohnya, akibat kesilapan syarikat pengurusan. Ketidakpatuhan ini boleh memaksa syarikat pengurusan untuk menjual sekuriti-sekuriti Dana ini dengan kerugian untuk membeturkan ketidakpatuhan dan maka menjelaskan nilai pelaburan pelabur dalam Dana ini. Untuk mengurangkan risiko ini, kawalan dalam telah disediakan oleh Pengurus Dana untuk menegaskan pematuhan undang-undang, peraturan dan undang-undang, praktik-praktik yang ditetapkan serta dasar dan prosedur dalam Pengurus Dana dengan berterusan.

#### Risiko Inflasi

Risiko ini merujuk kepada kemungkinan pelaburan pelabur tidak seiring dengan inflasi, maka mengakibatkan kekurangan kuasa beli pelabur walaupun pelaburan dalam segi kewangan mungkin telah meningkat.

# **PRU**Link Japan Dynamic Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2019 melainkan jika dinyatakan

## **Risiko Mata Wang**

Dana ini berdenominasi dalam MYR, manakala Dana-Sub mungkin berdenominasi dalam mata wang lain. Prestasi Dana mungkin dipengaruhi oleh pergerakan dalam kadar penukaran antara mata wang MYR dan mata wang Dana-Sub. Di mana berkenaan, lindung nilai mata wang atau kelas dana yang melindungi nilai mata wang mungkin digunakan untuk meminimumkan risiko mata wang.

## **Risiko Derivatif**

Derivatif mungkin digunakan untuk melindung nilai daripada sebarang risiko yang mungkin dikaitkan dengan melabur dalam Dana-Sub, seperti, tetapi tidak terhad kepada, risiko mata wang.

## **Risiko-Risiko Umum apabila Melabur dalam Dana-Sub**

### **Risiko Pengurusan Dana Sasaran**

Walaupun Pengurus Dana akan menggunakan kemahiran dan kecermatan yang sewajarnya dalam memilih Dana Sasaran, ia tidak mempunyai kawalan dalam pengurusan Dana Sasaran dan pulangan Dana ini adalah tidak terjamin. Ini mungkin menjelaskan nilai pelaburan pelabur dalam Dana ini.

Dana Sasaran mungkin mengubah objektifnya dan menjadi tidak selaras dengan objektif Dana ini. Dalam keadaan itu, Pengurus Dana akan menggantikan Dana Sasaran dengan skim pelaburan kolektif lain yang Pengurus Dana menganggap lebih sesuai untuk memenuhi objektif Dana ini. Perubahan tersebut memerlukan kelulusan pemegang-pemegang polisi.

### **Risiko Negara**

Dana-Sub akan melabur dalam Dana Sasaran yang bermastautin di Luxembourg. Sebarang perubahan-perubahan negatif dalam ekonomi asas di Luxembourg, kestabilan sosial dan politik, pergerakan mata wang dan polisi-polisi pelaburan asing di Luxembourg mungkin akan menjelaskan harga sekuriti yang dilaburkan oleh Dana Sasaran dan akibatnya menjelaskan Nilai Aset Bersih Dana ini.

### **Risiko Mata Wang**

Pelaburan dasar Dana-Sub mungkin berdenominasi dalam mata wang tempatannya, yang mungkin berbeza daripada mata wang Dana-Sub. Prestasi Dana-Sub mungkin dipengaruhi oleh pergerakan kadar penukaran antara mata wang tempatan pelaburan dasar dan mata wang denominasi Dana-Sub.

### **Risiko Derivatif**

Pengurus Dana-Sub mungkin melabur dalam derivatif yang akan tertakluk kepada risiko. Walaupun penggunaan derivatif secara bijaksana oleh pengurus-pengurus pelaburan profesional boleh mendatangkan manfaat, namun derivatif melibatkan risiko yang berbeza daripada, dan dalam sesetengah hal, lebih tinggi daripada risiko yang terdapat dalam pelaburan sekuriti yang lebih tradisional. Antara risiko yang dikaitkan dengan derivatif ialah risiko pasaran, risiko pengurusan, risiko kredit, risiko kecairan dan risiko keumpilan. Pelaburan dalam derivatif mungkin memerlukan wang pendahuluan atau margin permulaan dan margin tambahan dengan notis yang singkat jika pasaran bergerak berlawanan dengan kedudukan pelaburan. Jika tiada peruntukan dibuat bagi margin yang diperlukan dalam tempoh masa yang ditetapkan, maka pelaburan itu mungkin dicairkan pada harga yang merugikan. Justeru itu, pelaburan dalam derivatif perlu sekali diawasi dengan rapi.

Pengurus Dana-Sub mempunyai kawalan yang diperlukan bagi pelaburan dalam derivatif dan mempunyai sistem-sistem yang sesuai untuk mengawasi kedudukan derivatif bagi Dana-Sub ini. Pengurus Dana-Sub tidak berhasrat untuk menggunakan urus niaga derivatif bagi tujuan spekulasi atau keumpilan tetapi mungkin menggunakananya untuk pengurusan portfolio yang cekap dan/atau pengurusan risiko. Risiko mata wang merupakan salah satu risiko pasaran yang akan dihadapi oleh dana ini dan nilai boleh dilindung dengan menggunakan derivatif seperti kontrak depan/niaga hadapan pertukaran asing. Selalunya risiko mata wang pendasar mungkin ditanggung akibat membeli ekuiti atau bon pendasar. Jika Pengurus Dana-Sub tidak mahu menanggung risiko mata wang yang dikaitkan dengan aset pendasar ini, Dana-Sub ini boleh menggunakan kontrak Depon Pertukaran Asing untuk melindung nilai sebarang risiko mata wang yang timbul daripada pemegangan kedudukan mata wang bukan asas. Pada dasarnya, penggunaan kontrak depan mata wang ini ialah untuk melindung nilai dana daripada risiko mata wang dalam Dana-Sub.

## **Risiko-Risiko Khusus apabila Melabur dalam Dana Sasaran**

# PRU Link Japan Dynamic Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2019 melainkan jika dinyatakan

## Risiko Negara Tunggal

Dana Sasaran melabur terutamanya dalam ekuiti-ekuiti dan sekuriti-sekuriti syarikat-syarikat diperbadankan yang berkaitan dengan ekuiti, disenarai, atau mempunyai aktiviti terutama di Jepun. Oleh itu, sebarang perubahan dalam ekonomi asas Jepun, kestabilan sosial dan politik, pergerakan mata wang dan dasar pelaburan asing mungkin memberi kesan ke atas harga sekuriti yang dilaburkan oleh Dana Sasaran, yang maka menjelaskan nilai aset bersih Dana Sasaran. Pendedahan kepada sebuah negara, boleh juga meningkatkan potensi turun naik Dana Sasaran disebabkan oleh risiko tumpuan geografi meningkat akibat kekurangan kepelbagaian geografi mereka berbanding dengan dana yang melabur di pasaran serantau dan global.

## Risiko Kaunterparti

Dana Sasaran akan terdedah kepada risiko kredit kaunterparti-kaunterparti yang Dana Sasaran berurus niaga terutamanya yang berkaitan dengan sekuriti-sekuriti pendapatan tetap, opsyen, niaga hadapan, kontrak-kontrak dan intrumen-instrumen derivatif kewangan yang lain untuk tujuan perlindungan nilai dan pengurusan portfolio dengan cekap. Dalam keadaan insolvensi, kebankrapan atau kemungkiran oleh kauterparti tersebut, ini boleh mengakibatkan kerugian kepada Dana Sasaran.

## Risiko Mata Wang

Pelaburan dasar Dana Sasaran mungkin berdenominasi dalam mata wang tempatannya, yang mungkin berbeza daripada mata wang Dana Sasaran. Prestasi Dana Sasaran mungkin dipengaruhi oleh pergerakan kadar pertukaran antara mata wang tempatan pelaburan dasar dan mata wang denominasi Dana Sasaran.

## Risiko Derivatif

Pengurus Dana Sasaran mungkin melabur dalam derivatif yang akan tertakluk kepada risiko. Walaupun penggunaan derivatif secara bijaksana oleh pengurus-pengurus pelaburan profesional boleh mendatangkan manfaat, namun derivatif melibatkan risiko yang berbeza daripada, dan dalam sesetengah hal, lebih tinggi daripada risiko yang terdapat dalam pelaburan sekuriti yang lebih tradisional. Antara risiko yang dikaitkan dengan derivatif ialah risiko pasaran, risiko pengurusan, risiko kredit, risiko kecairan dan risiko keumpilan. Pelaburan dalam derivatif mungkin memerlukan wang pendahuluan atau margin permulaan dan margin tambahan dengan notis yang singkat jika pasaran bergerak berlawanan dengan kedudukan pelaburan. Jika tiada peruntukan dibuat bagi margin yang diperlukan dalam tempoh masa yang ditetapkan, maka pelaburan itu mungkin dicairkan pada harga yang merugikan. Justeru itu, pelaburan dalam derivatif perlu sekali diawasi dengan rapi.

Pengurus Dana Sasaran mempunyai kawalan yang diperlukan bagi pelaburan dalam derivatif dan mempunyai sistem-sistem yang sesuai untuk mengawasi kedudukan derivatif bagi Dana Sasaran ini. Pengurus Dana Sasaran tidak berhasrat untuk menggunakan urus niaga derivatif bagi tujuan spekulasi atau keumpilan tetapi mungkin menggunakan untuk pengurusan portfolio yang cekap dan/atau pengurusan risiko. Risiko mata wang merupakan salah satu risiko pasaran yang akan dihadapi oleh dana ini dan nilai boleh dilindung dengan menggunakan derivatif seperti kontrak depan/niaga hadapan pertukaran asing. Selalunya risiko mata wang pendasar mungkin ditanggung akibat membeli ekuiti atau bon pendasar. Jika Pengurus Dana Sasaran tidak mahu risiko mata wang yang dikaitkan dengan aset pendasar ini, Dana Sasaran ini boleh menggunakan kontrak Depan Pertukaran Asing untuk melindung nilai sebarang risiko mata wang yang timbul daripada pemegangan kedudukan mata wang bukan asas. Pada dasarnya, penggunaan kontrak depan mata wang ini ialah untuk melindung nilai dana daripada risiko mata wang dalam Dana Sasaran.

*Perkara di atas tidak sepatusnya dianggap sebagai senarai risiko-risiko lengkap yang sepatusnya diambil kira oleh pelabur berpotensi sebelum melabur di dalam Dana. Pelabur berpotensi sepatusnya sedar bahawa sebarang pelaburan di dalam Dana mungkin terdedah kepada risiko-risiko lain yang bersifat luar biasa dari semasa ke semasa.*

## Pengurusan Risiko

Dana Sasaran:

Pemantauan garis panduan dan sekatan pelaburan terutamanya dicapai melalui Charles River Trading System (CRTS). Garis panduan pelaburan ditubuhkan pada CRTS untuk pra-perdagangan dan pemantauan kelompok.

Pada dasar pra-perdagangan, pesanan yang kelihatan telah melanggar garis panduan pelaburan tidak boleh dilaksanakan tanpa siasatan dan kelulusan pasukan pematuhan. Kelulusan ini hanya diberi apabila ia disahkan bahawa pelaksanaan perintah/ dagangan sedemikian tidak akan menyebabkan apa-apa pelanggaran garis panduan pelaburan

## **PRU**Link Japan Dynamic Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2019 melainkan jika dinyatakan

secara asas. Mengikut pemantauan sekumpulan, pasukan pematuhan menggunakan CRTS untuk menyemak supaya kedudukan hari akhir portfolio itu adalah berada dalam garis panduan pelaburan. Proses peningkatan adalah bagi memastikan pihak yang berkaitan akan dimaklum apabila berlakunya isu yang berpotensi atau sebarang pelanggaran.

Pegawai pematuhan menjalankan pemeriksaan garis panduan harian ke atas semua portfolio dengan menggunakan CRTS. Sistem ini membolehkan pasukan pematuhan untuk menjalankan pemeriksaan harian sebelum dan selepas dagangan untuk memastikan pematuhan garis panduan dan sekatan pelaburan pelanggan.

Pada tahap pelaburan, pemantauan dan kawalan risiko adalah disepadukan dalam proses pelaburan dengan tanggungjawab bagi pengurusan risiko portfolio terletak pada tangan pengurus portfolio. Pengurusan risiko portfolio bermula dengan memastikan sebagai pelabur, kami memahami saham yang kami pegang adalah mewakili pelanggan kami. Kami percaya bahawa portfolio adalah lebih daripada satu koleksi idea yang baik. Terdapat tumpuan pada pembentukan dan peruntukan bajet bagi risiko portfolio. Kami mahu memperuntukkan majoriti bajet risiko untuk menyimpan risiko tertentu. Semua faktor-faktor risiko yang lain (negara, sektor, saiz, dan lain-lain) biasanya ialah yang selebihnya.

Keseluruhan profil risiko portfolio dipantau setiap bulan oleh Strategist Portfolio dengan menggunakan Axioma. Ia menganalisis pelbagai ciri-ciri risiko untuk mengenal pasti apa-apa risiko yang tidak dicadangkan dikesan dalam portfolio. Analisis risiko membentuk input ke dalam proses pembinaan portfolio dan merupakan alat yang membantu untuk menentukan tahap risiko yang konsisten dengan standard dan objektif pelaburannya. Bajet risiko portfolio memberi tumpuan dalam pemilihan saham sebagai sumber utama penambahan nilai.

Dengan mengenal pasti kedua-dua risiko yang dicadangkan dan yang tidak dicadangkan dengan jelas, Pengurus Dana juga bermatlamat untuk membina portfolio dengan risiko saham yang spesifik boleh selaras dengan pulangan ramalan untuk saham, dengan semua risiko yang tidak dicadangkan dapat dikurangkan.

# PRULink Japan Dynamic Fund

Semua data seperti pada 31 Disember 2019 melainkan jika dinyatakan

## Maklumat Lain

• Pasaran Sasaran	Dana ini sesuai untuk pemegang-pemegang polisi yang: <ul style="list-style-type: none"><li>• Mencari nilai modal yang meningkat;</li><li>• Hendak mengambil bahagian dalam pasaran Jepun;</li><li>• Mempunyai daya toleransi risiko tinggi ;</li><li>• Selesa dengan naik turun dan risiko dana yang melabur dalam pasaran tunggal; dan</li><li>• Menerima pakai tempoh pelaburan jangka masa panjang.</li></ul>
• Dasar & Kekerapan Tarikh Penilaian	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penghargaan unit dibuat setiap hari perniagaan.</li><li>• Harga unit bagi dana <b>PRU</b>Link Global tertentu pada sebarang Tarikh Penilaian hendaklah bersamaan Nilai Dana dibahagi dengan bilangan Unit yang dikeluarkan pada Tarikh Penilaian.</li><li>• Nilai Dana ialah nilai semua aset dana <b>PRU</b>Link Global selepas memotong belanja untuk menguruskan, memperolehi, menyenggaraan, pengkekalan dan penilaian aset Dana, cukai atau levi mengikut undang-undang yang ditanggung oleh Syarikat ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal aset dana dan sebarang pendapatan terakru atau dijangkakan.</li><li>• Tarikh Penilaian hendaklah merupakan tarikh yang dipilih oleh Prudential dari semasa ke semasa, tetapi tidak kurang kerap daripada sekali sehari, untuk tujuan menentukan harga unit.</li><li>• Syarikat akan menilai dana-dana <b>PRU</b>Link Global tersebut pada akhir hari perniagaan (Tarikh Penilaian). Walaubagaimanapun, nilai dana-dana <b>PRU</b>Link Global yang dilaburkan dalam syer, sekuriti faedah tetap dan instrumen pasaran wang pada akhir suatu Tarikh Penilaian hanya akan diketahui satu hari perniagaan nanti. Harga Unit dana <b>PRU</b>Link Global akan ditentukan oleh Syarikat pada suatu Tarikh Penilaian hanya akan dibuat dan diberitahu kepada Orang Diinsuranskan selepas 2 hari perniagaan nanti (T+2).</li><li>• Untuk mendapatkan balik kos memperoleh dan membuang aset-aset, pembetulan kos urus niaga mungkin dibuat untuk Nilai Unit untuk memulihkan sebarang jumlah yang telah atau dijangka akan dibayar oleh dana untuk penghasilan dan pembatalan unit-unit.</li></ul>
• Keadaan-keadaan Luar Biasa	<ul style="list-style-type: none"><li>• Syarikat tidak dipaksa untuk menebus atau menukar pada Hari Penilaian lebih daripada 10% dana <b>PRU</b>Link Global yang lebih pada suatu Hari Penilaian</li><li>• Syarikat juga berhak dalam keadaan pengecualian (sebagai contoh, bila terdapat jumlah jualan pelaburan jangka masa yang pendek) untuk menangguhkan penukaran atau penebusan Unit-unit dan/atau penyerahan Polisi untuk tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh permohonan.</li><li>• Syarikat mungkin menangguhkan penghargaan unit dan urusniaga polisi jika mana-mana penukaran di mana dana dilaburkan ditunda dari berdagang untuk sementara. Dalam keadaan tersebut, suatu notis untuk penangguhan mungkin diterbit dan mungkin diberitahu kepada orang diinsuranskan apabila tokokan, penukaran, penebusan atau pengeluaran ke/dari mana-mana dana <b>PRU</b>Link Global.</li></ul> <p>Senarai keadaan-keadaan luar biasa di atas tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen polisi anda untuk butir-butir yang lengkap.</p>